

Saya tak beri arahan - PM

U.M. 27 JUL 1993

KOTA BAHARU 26 Julai — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak memberi sebarang arahan kepada bahagian-bahagian UMNO seluruh negara berhubung pemilihan pucuk pimpinan parti November depan.

"Jika ada pertandingan mana-mana jawatan semua pihak mesti menerima keputusan dan selepas itu kembali rapat semula," ujarnya kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Kelantan di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, jika tidak menerima keputusan pertandingan, itu bermakna "kita tidak faham demokrasi".

Ditanya mengenai cadangan Ketua UMNO Bahagian Segamat, Dato' Musa Hitam supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dicabar dalam pemilihan itu, Dr. Mahathir berkata: "Saya tidak ada komen".

Menyentuh mesyuarat UMNO Kelantan malam ini beliau berkata, ia merupakan mesyuarat biasa.

Berhubung cadangan Kerajaan Johor mengenakan tindakan ke atas 'belia lepak' beliau berkata, "saya belum kaji perkara itu".

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa ramai yang menganggap budaya lepak berlaku kerana pelajar terlalu dibeban dengan mata pelajaran di sekolah.

Dalam hal ini, katanya, kerajaan dan guru sering dipersalahkan, tanpa meletakkan kesalahan sebenar ke atas pelajar itu sendiri.

"Apa yang kita dapati sekarang ramai pelajar lepak terdiri daripada pelajar Melayu yang mata pelajaran di sekolah sedikit berbanding dengan bukan Melayu," ujarnya.

Contohnya, kata Dr. Mahathir, pelajar bukan Melayu mempelajari tiga mata pelajaran serentak iaitu Bahasa Cina, Melayu dan Inggeris, tetapi mereka tidak ramai yang melepak, malah lulus cemerlang dalam ketiga-tiga mata pelajaran itu.

Oleh itu katanya, kalau bersimpati dengan anggapan sedemikian bermakna simpati yang tidak kena pada tempatnya.